

### Arkib Maklumbalas Pengguna (Suara Anda)

Senarai cadangan yang dipaparkan ini adalah cadangan orang awam yang telah dikemukakan melalui Borang Maklumbalas di Laman Web Rasmi Jabatan Mufti Negeri Perak. Setiap cadangan yang telah diambil tindakan akan dipaparkan di ruangan ini. Terima kasih di atas sokongan anda.

Maklumbalas Bagi Februari 2017			
Bil.	Penghantar	Maklumbalas	Jawapan
1.	Shukri Mohamad 10/2/2017	<p>Assalamu'alaikum Jazakallah di atas jawapan yang telah diberikan.</p> <p>Lanjutan dari jawapan yang diberikan, saya ingin bertanya dengan lebih lanjut. Selepas daripada kejadian nyanyian itu saya telah bersama dengan isteri tanpa menyedari bahawa telah jatuh talak. Adakah itu boleh dikira sebagai rujuk?</p> <p>Sekiranya tidak sah sebagai rujuk, bagaimanakah status dan jalan penyelesaiannya ke atas perkahwinan kami. Kami telah mempunyai 4 org anak.</p> <p>Mohon pencerahan, InsyaAllah.</p>	<p>Wa'alaikumussalam w.b.t..</p> <p>Tuan tidak mengetahui dan tidak menyedari bahawa perbuatan tersebut telah menyebabkan jatuh talak. Perbuatan bersama dengan isteri tuan bolehlah dianggap sebagai rujuk memandangkan kejahilan tuan tentang jatuhnya talak sebelum itu. Banyakkan berdoa semoga Allah mengampunkan dosa dan kesilapan tuan itu.</p> <p>Wallahu a'lam.</p>
2.	Mohd Azrulniza 12/2/2016	<p>Saya Mohd Azrulniza B.Abdul Rahman berhasrat ingin menyumbangkan artikel yg ditulis oleh saya kpd jabatan agama islam negeri perak.</p> <p>Jika terdapat sebarang kesalahan dlm penulisan artikel saya berkenaan sifat 20 saya mohon pembetulan dari pihak tuan.Tujuan saya ingin menyumbangkan sedikit artikel tentang sifat 20 dan tidak lebih dari itu.</p>	<p>Assalamu'alaikum w.b.t..</p> <p>Sekiranya ingin disemak artikel tuan, mohon hubungi jabatan kami di talian 05-2545332 dan buat pertemuan dengan pegawai Buhuth, atau datang ke pejabat dengan membawa salinan artikel tersebut.</p> <p>Sekian, terima kasih.</p>

		Saya menulis surat untuk maklumkan pada pihak tuan dan disini saya sertakan artikel saya.	
3.	Mohd Azrulniza 14/2/2016	Tuan Mufti Negeri Perak  Saya Mohd Azrulniza bin Abdul Rahman berhasrat untuk mendirikan pondok kecil dikampung saya dan tujuan saya menulis surat ini memohon jasa baik pihak Tuan untuk memberi kebenaran dan keizinan kepada saya dan disini saya sertakan sijil-sijil yg ada serta saya lampirkan modul pembelajaran yg akan dibuat.	Assalamu'alaikum w.b.t..  Maaf tuan, permohonan tuan untuk mendirikan pondok kecil adalah di luar bidangkuasa jabatan kami. Sila rujuk Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), Bahagian Pendidikan.  Sekian, sebarang kesulitan amatlah dikesali.  Terima kasih.